

Lagi VIP bakal dikait kes NFC

2 ahli lembaga pengarah wakili kerajaan dijangka didakwa tak lama lagi

Oleh Farrah Naz Karim
dan Alang Bendahara
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Pendakwaan terhadap Pengarah National Feedlot Corporation (NFCorp), Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail Selasa lalu, dijangka mengheret beberapa individu berkedudukan tinggi (VIP) ke mahkamah berikutan siasatan beberapa aspek kes itu semakin mendalam.

Dua daripada tiga ahli lembaga pengarah yang mewakili kerajaan sebagai pemegang saham khas dalam NFCorp dipercayai akan turut

didakwa mengikut Seksyen 132 Akta Syarikat 1965 kerana kesalahan menggunakan harta syarikat.

Menurut sumber, selain dua ahli lembaga pengarah terbabit, seorang daripada pihak pengurusan kanan NFCorp mungkin turut didakwa kerana melakukan kesalahan pecah amanah.

Katanya, berdasarkan siasatan pihak terbabit dipercayai membentarkan wang dalam akaun syarikat berkenaan disalurkan kepada syarikat swasta yang tiada kaitan dengan NFCorp tetapi dimiliki oleh beberapa pengarah syarikat itu.

Sementara itu, Peguam Negara,

Tan Sri Abdul Gani Patail yang dihubungi, berkata: "Kes NFCorp jauh daripada selesai."

Difahamkan, Mohamad Salleh dan ahli perniagaan yang dituduh menipu beliau, Datuk Shamsuharin Ismail turut disiasat mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Disember lalu, Shamsuharin, 45, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif, Resources Sdn Bhd, dituduh di Mahkamah Sesyen di sini atas kesalahan menipu Mohamad Salleh membabitkan RM1.755 juta, antara November hingga awal Disember lalu.

Pada Selasa lalu, Mohamad Salleh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas empat tuduhan berasingan melakukan pecah amanah membabitkan RM49.7 juta dan menggunakan harta syarikat itu tanpa kebenaran mesyuarat agung, tiga tahun lalu.

Bagaimanapun, Mohamad Salleh, mengaku tidak bersalah.

Hakim SM Komathy Suppiah menetapkan 13 April ini bagi sebutan kes dan membenarkan Mohamad Salleh dijamin RM500,000 dengan seorang penjamin bagi semua tuduhan serta memerintahkaninya menyerahkan pasport kepada mahkamah.